

KONFLIK KOMUNIKASI DARI “BERCAK” KE MENONGKAH LUMRAH KARYA AZMAH NORDIN

MAWAR SAFEI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Azmah Nordin merupakan novelis yang kerap mengangkat pelbagai latar bidang dalam karyanya. Ia membawakan pertelingkahan (*conflict*) realiti manusia dalam bidang yang disertai termasuk perubatan, perundangan, keusahawanan dan perhotelan. Novel *Menongkah Lumrah* (DBP, 1996) membawakan pertelingkahan komunikasi dalam dunia keusahawanan digital sebuah syarikat iaitu Panglima Burhan Computer (PBC). Novel ini memenangi tempat pertama Hadiah Penulisan Novel Dewasa anjuran DBP Sabah (1992), Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/97 dan Hadiah Sastera Sabah 1997. Seperti kebanyakan karya Azmah Nordin sebelumnya, novel ini masih akur dengan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan.” Maka makalah ini mahu melihat ketekalan rumus tersebut dalam penukangan novel *Menongkah Lumrah*. Keseriusan Azmah Nordin memerihalkan “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan” adalah menerusi kerja intertextual apabila novel ini dikembangkan dari cerpen awalnya yang berjudul “Bercak” (*Dewan Sastera*, September 1991). Pengarang menggembeng lebih dalam dan rinci pertelingkahan konflik komunikasi dalam ruang naratif yang lebih lebar menerusi genre novel berbanding cerpen. Menariknya kali ini, Azmah Nordin memanfaatkan beberapa peralatan naratif seperti latar dan istilah yang berkaitan dengan teknologi maklumat khususnya isu virus dan anti-virus yang mewakili konflik komunikasi berkenaan. Begitu juga pertelingkahan watak yang terlibat secara langsung dalam bidang ini, turut terkait dari sisi emosi mereka dengan peralatan naratif teknologi maklumat yang

berkenaan. Kesimpulannya, ketekalan pengarang dengan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan” antara lain memperagakan keseriusannya terhadap pertelingkahan yang berlaku dalam jalur komunikasi yang banyak berdialog tentang keseksamaan gender.

Kata kunci: *Komunikasi, kesusasteraan, novel Melayu, Azmah Nordin, Menongkah Lumrah*

COMMUNICATION CONFLICT FROM “BERCAK” TO MENONGKAH LUMRAH BY AZMAH NORDIN

Abstract

Azmah Nordin portrayed various disciplines in her writings including medicine, laws, entrepreneurship, and hotel industry which focused in human conflicts. Obviously it involved women characters and they always became the victors. *Menongkah Lumrah* (DBP, 1996) underlined communication conflict that occurred in Panglima Burhan Computer (PBC), a computer company. *Menongkah Lumrah* had won the first place in Hadiah Penulisan Novel Dewasa organized by DBP Sabah (1992), Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/97 and Hadiah Sastera Sabah 1997. In all her previous novels, Azmah Nordin retained a slogan, “women in focus, women in victory.” This article aimed at the consistency of the slogan in the selected novel. The seriousness in portraying “women in focus, women in victory” was through the intertextual process as the novel extended her previous short story, “Bercak” (*Dewan Sastera*, September 1991). Azmah Nordin explored thoroughly the previous communication conflict in her novel. Furthermore Azmah Nordin developing narrative devices that engaged to the information technology for instance the virus and anti-virus which reflected in the conflict and characters involved. The emotions of characters were also seemed related to certain computer devices, metaphorically. Consequently, “women in focus, women in victory” exhibited the intentness of the author in communication conflicts and the dialogues discussed about gender inequality.

Keywords: *Communication, literature, Malay novel, Azmah Nordin, Menongkah Lumrah*

PENDAHULUAN

Pengarang Melayu banyak mencabar kreativiti mereka dengan membentangi kembali apa yang berlaku dalam dunia sebenar yang didepani masyarakat. Pertelingkahan (*conflict*) yang terjadi dalam pelbagai disiplin atau latar bidang sering pula menjadi sumber ilham mereka dalam gubahan karya sastera. Salah seorang pengarang yang mempunyai kesendengan memasuki disiplin atau latar bidang yang pelbagai itu ialah Azmah Nordin, penerima Hadiah SEA Write 2009. Kumpulan cerpen awalnya iaitu *Singkowoton* (1994) dan *Wizurai* (1997), banyak menampilkan watak dengan beberapa pertelingkahan dalam disiplin yang pelbagai seperti perubatan, perundangan, keusahawanan, perhotelan, sukan dan IT. Ia juga dapat dilihat dalam kebanyakan novelnya seperti *Menongkah Lumrah* (1996), *Awang Kirana Mudir Besar* (1996), *Syumul* (1998) atau yang terkini *Lara* (2014). Beberapa pandangan awal Othman Puteh (1993a dan 1993b), Mawar Safei (1996), Sohaimi Abdul Aziz (1997) dan Rosnah Baharudin (2008), turut memerihalkan kesendengan kepengarangan Azmah Nordin tersebut.

Makalah ini menumpukan perhatiannya terhadap novel *Menongkah Lumrah* yang pernah memenangi tempat pertama Hadiah Penulisan Novel Dewasa anjuran DBP Sabah (1992), Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/97 dan Hadiah Sastera Sabah 1997. Novel terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini terdiri daripada 13 bab, 244 halaman dengan judul asalnya, “Khorikul Adah.” Novel ini antara lain mengajukan pertelingkahan kuasa yang berlaku dalam sebuah syarikat pengkomputeran iaitu Panglima Burhan Computer (PBC). Kuasa yang menjadi rebutan berlaku sebaik Datuk Panglima Burhan, pemilik PBC meninggal dunia. Penguasaan itu melibatkan satu watak utama yang merupakan watak wanita iaitu Zakiiyyah yang berhadapan dengan kerakusan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain yang kesemuanya lelaki. Mereka sedang mencari peluang menduduki takhta tertinggi dalam organisasi pengurusan PBC. Kemunculan Panglima Mokhlis, anak tunggal Panglima Burhan akhirnya memecahkan konflik perebutan kuasa itu dengan memutuskan siapa sebenarnya yang paling layak mengemudi PBC. Maka penguasaan naratif yang ketara diperagakan adalah kedudukan wanita yang diwakili Zakiiyyah berhadapan dengan sekumpulan watak-watak lelaki.

Menongkah Lumrah seperti kebanyakan karya Azmah Nordin sebelumnya, masih akur dengan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan.” Maka kali ini *Menongkah Lumrah* masih dilihat akan muatannya dari dimensi konflik komunikasi berkenaan, dan secara khusus kali ini melibatkan latar keusahawanan berasaskan teknologi digital atau IT. Tumpuan penelitian ialah terhadap apakah bentuk kecenderungan konflik komunikasi tersebut yang diperagakan secara khusus oleh Azmah Nordin dalam novel yang ditumpukan ini menerusi penggabungan latar keusahawanan berasaskan IT berkenaan.

Dalam konteks perbincangan ini, konflik komunikasi mempertimbangkan latar naratif teknologi komunikasi dan maklumat (information and communications technology, ICT) (Aznan Zuhid Saidin, 2014: 55). Budaya digital dihubungkan

sebagai asas ICT iaitu yang disebut sebagai teknologi digital. Budaya digital ini menyelinap masuk dalam dekad 90-an apabila munculnya internet. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, teknologi menjadi satu bentuk pengetahuan saintifik yang tersusun untuk tujuan amali dan meliputi ciptaan, pendapat dan teknik baru untuk memperbaiki kaedah dalam organisasi. Berangkat daripada beberapa peringatan bahawa budaya digital ini boleh sahaja membawa bersamanya hambatan, rintangan dan ancaman terhadap budaya tempatan jika ia bertembung dengan nilai yang berbeza (Ali Salman etc., 2010), (Mohamad Md. Yusoff, 1985) dan (Aznan Zuhid Saidin, 2014).

Mengawali kecenderungan berkenaan, makalah ini cuba mengenal pasti pertelingkahan komunikasi watak-watak yang bertembung dengan teknologi komunikasi yang dibentangkan Azmah Nordin dalam novelnya *Menongkah Lumrah* dari sisi bentuk kecenderungan yang dimajukan dan apakah pula peralatan yang digunakan pengarang dalam merungkainya.

AZMAH NORDIN

Azmah Nordin memulakan kerja kepengarangannya menerusi genre esei ketika beliau bertugas sebagai wartawan bebas untuk seketika dengan menulis rencana eksklusif di Sabah pada tahun 1980-an. Kecenderungannya menulis membuat Azmah Nordin mula berjinak-jinak dalam bidang kesusasteraan pada tahun yang sama. Kesungguhannya bersama jagat kesusasteraan Melayu bermula apabila beliau menyertai beberapa kursus dan bengkel penulisan secara formal anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Pada tahun 1985, Azmah Nordin pernah mengikuti bengkel penulisan skrip drama yang dibimbing Johan Jaafar. Kemudiannya pada tahun 1988, Azmah Nordin mengikuti bengkel penulisan kreatif anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dengan bimbingan Dharmawijaya (genre puisi) dan Othman Puteh (genre cerpen). Pada tahun 1990 pula beliau mengikuti bengkel penulisan novel kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Di samping kegiatan menghadiri bengkel atau kursus penulisan, Azmah Nordin turut menganggotai Badan Bahasa Sabah atau BAHASA sejak awal dekad 90-an hingga kini. Malah beliau pernah menganggotai jawatankuasa BAHASA sewaktu Ismail Abbas memegang teraju badan itu.

Melalui kegiatan sastra seperti inilah, Azmah Nordin mengakrabkan dirinya dengan dunia penulisan. Menurut Azmah Nordin, untuk berjaya dengan cemerlang dalam dunia penulisan, sebagai seorang pengarang wanita, beliau bekerja dengan bersungguh-sungguh dan gigih sepuluh kali lebih ganda daripada pengarang lelaki (Lim Swee Tin, 1995). Bagi beliau ia wajar dilakukan oleh setiap pengarang jika ingin menghasilkan karya-karya yang bermutu. Kesungguhan itu cukup dituntut di samping dengan adanya daya imaginasi, pengalaman sendiri atau apa yang diceritakan teman-teman.

Daripada beberapa sesi wawancara yang dijalankan, Azmah Nordin memilih bidang penulisan kerana minatnya yang mendalam di samping cabaran-cabaran

yang ada memberi kepuasan kepadanya. Azmah Nordin turut mendapat bimbingan dan dorongan daripada keluarga, rakan-rakan dan para moderator dalam kursus penulisan kreatif yang diikutinya (Mawar Safei, 1996).

Azmah Nordin juga memperoleh inspirasi menulis daripada kesungguhan beberapa orang pengarang tanah air seperti Shahnnon Ahmad, Anwar Ridhwan dan Othman Puteh. Sementara itu, dalam kalangan pengarang antarabangsa pula ialah seperti Taylor Cardwel, Robin Cook, Raymond E. Feist dan Lawrence Sanders. Aspek kemanusiaan dan pengalaman dalam kehidupan para pengarang yang menjadi teras kepada pemikiran mereka itu dijadikan panduan oleh Azmah Nordin untuk berkarya. Menurutnya, hal ini sangat diperlukan kerana pada pendapatnya sesebuah karya itu merupakan saluran ungkapan kasih sayang dan kemanusiaan.

Azmah Nordin prolifik menghasilkan kumpulan cerpen dan novel di bawah penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan Buku Negara Malaysia, Penerbit Fajar Bakti, Penerbit Federal Publications dan Penerbit Utusan Melayu. Sehingga kini, Azmah Nordin telah menghasilkan lebih 50 buah novel dan lebih 100 cerpen yang terdiri daripada kategori dewasa, remaja dan kanak-kanak (Buku Pemenang SEA Write 2009).

Pelbagai pengiktirafan yang diterimanya berdasarkan sekian banyak karya yang dihasilkan. Antara pengiktirafan itu adalah Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Hadiah Sastera Sabah, pelbagai sayembara termasuk Hadiah Sastera Maybank-DBP dan Hadiah ESSO-GAPENA. Azmah Nordin juga merupakan Munsyi Dewan (Sastera) yang antara lain bertanggungjawab mengendalikan kursus berkaitan kesusasteraan. Beliau giat membimbing calon-calon penulis secara maya di blognya, <http://azmahnordin.blogspot.com> di samping sering diundang ke bengkel-bengkel penulisan kreatif. Azmah Nordin dianugerahi Hadiah SEA Write pada 2009.

DARI “BERCAK” KE MENONGKAH LUMRAH

Novel *Menongkah Lumrah* (1996) menjalani proses kreatif yang menarik apabila ia dipindahkan dari cerpen awal Azmah Nordin sendiri iaitu “Bercak” yang pertama kali disiarkan dalam *Dewan Sastera*, September 1991. Ia kemudian dibukukan dalam kumpulan cerpen *Wizurai* (1997) dan *Titian Gelora* (2005). Pengarang menggembleng lebih dalam dan rinci pertelingkahan komunikasi dengan latar IT dalam ruang naratif yang lebih lebar menerusi genre novel berbanding cerpen.

Salah satu daripada kecenderungan kepengarangan Melayu melebarkan kreativiti mereka adalah secara merentas genre menerusi kaedah *intertextual*. Terdapat beberapa jenis teks yang menjadi rujukan pengarang dalam kerja *intertextual* itu iaitu yang terdiri daripada teks tradisional, teks awal pengarang sendiri, teks pengarang lain dan teks bukan kreatif. Beberapa proses yang terlibat adalah pemindahan/pengubahan/penggubahan semula, petikan/kutipan, serapan, penukaran, pengembangan, penyongsangan/lencongan, pengaturan seiring/

persamaan atau perbaikan (Mawar Safei, 2010).

Cerpen “Bercak” menampilkan watak T.B. atau Tuan Besar yang sedang gemetar mengenang kekasih gelap, Toni. Kekalutannya dilambangkan dengan penularan virus,

Nafasnya sesak bagaikan dirayapi virus komputer yang tujuannya memang untuk mensabotaj hidupnya: Virus yang menghapuskan data, menghidupkan program atau memformatkan kembali disket mahupun hard disk yang ada dalam memori komputer hidupnya. Virus yang kian hari kian banyak dan sukar dikesan melalui mata kasar.

(Titian Gelora, 2005: 56)

Pembukaan cerpen ini dipenuhi pengarang dengan ketakutan dan perasaan cemas T.B. bahawa hubungan intimnya dengan Toni mewabak virus walaupun mereka cuba membendungnya daripada berlaku. T.B. juga resah memikirkan jika isteri dan seluruh keluarga mengetahui rahsia mereka apalagi dengan ugutan Toni untuk menyebarkan kepada umum.

Kemunculan virus tersebut kemudian dikaitkan dengan virus komputer apabila Toni cuba meyakinkan T.B. bahawa “disket gratis” merupakan punca malapetaka yang berlaku (hlm. 58). Pengarang melakukan teknik selang seli, mengasosiasikan virus komputer dengan virus yang menyerang sistem biologi mereka. Serangan virus yang digambarkan Azmah Nordin bersifat fizikal iaitu,

“Sewaktu menggunakannya di rumahku, aku seperti terkena renjatan elektrik buat beberapa detik. Tanpa kusedari, virus yang disisipkan di disket itu, menular ke tubuhku....”

“Tubuhku kini sudah penuh dengan virus. Kau menggunakan tubuhku, sama seperti kau menggunakan kemahiranku dalam memprogramkan komputer yang mengaut keuntungan. Jika keuntungannya kita nikmati bersama, mengapa tidak virusnya. Padahal kita yang bertanggungjawab menciptanya!”

(Titian Gelora, 2005: 59)

Begitu juga dengan penutup cerpen ini apabila T.B. dan Toni dilibas dan dibaham layar komputer (hlm. 64-67). T.B. masih terapurung antara ilusi dan realiti apabila mengenang latar serangan komputer ke atas mereka. Begitu akhirnya dikatakan bahawa selama ini T.B. sebenarnya “tidak pernah mahu mempercayai akan kewujudan-Nya.” Al-Qur’an (al-Qalam: 44-45) banyak menyuakan *mau’izzah* atau peringatan terhadap golongan ini, antaranya,

“Kelak akan Kami hukum mereka beransur-ansur dari arah yang tidak mereka mengetahui. Dan Aku memberi tangguh waktu kepada mereka. Sesungguhnya, rencana-Ku sangat teguh (inna

kaidi matin).”

Ironi, T.B. menyangka virus yang menyerang Toni secara fizikal itu hanya ilusi, sehingga di hujung cerpen ternyata dia sendiri dilibas talian komputer di pejabatnya. Azmah Nordin mengambil latar IT dengan membentangkan isu penyalahgunaan komputer seperti menjual beberapa program anti-virus untuk melindungi perisian setelah mencipta virus komputer. T.B. dikatakan menyumpah-nyumpah nama Amjad Farooq Alvi dan Basit Farooq Alvi, pemilik kedai Brain Computer Services di Lahore, Pakistan (hlm. 61).

Realitinya, wujud fenomena penciptaan virus oleh adik beradik Farooq Alvi dalam dekad 90-an dan cerpen ini juga terilham dan dihasilkan dalam dekad yang sama. Amjad Farooq Alvi merupakan usahawan yang terlibat dalam urusan digital dengan mendapat pendidikan dalam bidang matematik dan fizik dari University of Punjab. Beliau menubuhkan Brain Telecommunications Ltd, perintis internet di Lahore. Bersama adiknya, Basit Farooq Alvi, mereka mencipta virus komputer yang pertama untuk MS-DOS (*Microsoft Disk Operating System*), Brain, bagi melindungi perisian mereka dicetak rompak.

Kreativiti Azmah Nordin menjelmakan semula watak adik beradik Farooq Alvi dalam diri T.B. dan Toni dengan bentuk hubungan yang sama sekali berbeza. Dalam “Bercak”, T.B. merupakan jurutera komputer sementara Toni adalah pengatur cara komputer, lebih awal menjalin hubungan sejak di kampus. Kedua mereka memadu kemahiran IT dengan mencipta dan menyebarkan virus terbaru melalui penjualan disket. Pada masa yang sama mereka turut mencipta program bagi melindungi perisian. Azmah Nordin memindahkan latar penciptaan virus dan anti-virus ini juga yang dikerjakan oleh adik beradik Farooq Alvi dalam hubungan T.B. dan Toni.

Kritikan pengarang terhadap keterlibatan kedua-dua lelaki bijak teknologi digital tersebut dalam kepungan homoseksual (hlm. 64). Azmah Nordin menjalin tautkan virus komputer dengan virus yang menular dalam diri watak Toni dan T.B iaitu “virus yang memusnahkan hidupnya dengan mengurangkan daya tahan seseorang mangsa” (hlm. 61). Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, Virus HIV (*Human Immunodeficiency Virus* atau Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) merupakan virus yang memusnahkan sistem imunisasi badan menyebabkan pesakit terdedah kepada pelbagai jenis penyakit dan kanser. Sementara AIDS (*Acquired Immunodeficiency Syndrome* atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit Akut yang Teruk) pula adalah peringkat meruncing apabila pesakit yang dijangkiti HIV mula menunjukkan jangkitan yang khusus atau sel-sel pertahanan badan turun sehingga 200/ μ l.

Perlakuan jenayah kolar putih dalam kalangan pakar IT turut melibatkan pertelingkahan ketulusan peribadi. T.B. dan Toni bukan sahaja terseret dalam pemerasan jual beli virus dan anti-virus, malah mereka terbelit dalam jenayah memindahkan wang ringgit negara ke akaun peribadi di Switzerland secara *wide area network* melalui sebuah pangkalan komputer UNIVAC. Kebetulan sahaja, saat makalah ini dilengkapkan, cuaca ekonomi dan politik Malaysia sedang

diserang isu dana 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) yang disalurkan ke akaun peribadi Perdana Menteri kira-kira AS\$700 juta (RM2.6 bilion). Laporan Wall Street Journal (WSJ) memperincikan transaksi dari syarikat pembangunan strategik milik penuh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Malaysia itu. Kepekaan Azmah Nordin dalam perkembangan pertelingkahan komunikasi dalam bidang IT yang melibatkan keuntungan wang ternyata bersifat sepanjang zaman selama manusia masih punya sifat tamak haloba.

Sedangkan ajaran Islam menjunjung sikap *qana'ah* iaitu berasa reda dengan kecukupan. T.B. dan Toni (tidak jelas kaum atau agama mereka) merasakan keuntungan dalam urus niaga virus dan anti-virus itu tidak cukup memuaskan dan mereka mengeledah peluang dengan kerja mengalih-alihkan wang ke dalam akaun mereka. Kehinaan apabila menerima libasan talian komputer merupakan satu perlambangan terhadap hukuman libasan dalam neraka Huthamah seperti yang digambarkan dalam surah *al Humazah* untuk mereka yang mengumpul harta dan menghitung-hitung. Kehinaan juga apabila ketamakan memakan malu dan harga diri kedua-dua watak manusia yang terlibat dalam dunia IT ini.

Cerpen ini dipindahkan oleh pengarangnya secara transformasi fizikal dalam bab 12 *Menongkah Lumrah*. Latar T.B. atau Tuan Besar, diberikan nama lengkap Thomas Bennet yang sedang gementar mengenang kekasih gelap merangkap setiausaha sulitnya, Terry Hillerman (daripada "Toni" dalam "Bercak.") Azmah Nordin mengubah nama-nama watak yang dipindahkan dari cerpen. Perubahan nama-nama ini boleh sahaja dianggap dirapikan oleh pengarang dengan nama penuh bagi memenuhi sifat novel yang lebih "bulat" berbanding cerpen.

Kekalutan T.B. masih dipadankan oleh pengarang dengan penularan virus yang melibatkan hubungan luar tabii dengan Terry. Hubungan ini sudah diberikan latar seawal bab 3 *Menongkah Lumrah*. Kejengkelan terhadap kegiatan seksual T.B. ditambah dengan penceritaan bahawa sebelum dengan Terry, T.B. mempunyai ragam hubungan yang sama dengan Chris yang akhirnya mati akibat virus HIV. Menghubungkan "virus" dengan PBC, pada masa yang sama, T.B. juga bercakap soal Zakiyyah sebagai virus yang cuba memenangi kedudukan Presiden baru di PBC; sementara anti-virusnya adalah isteri Panglima Burhan bagi mengekang virus Zakiah daripada menular liar.

"Virus" dari "Bercak" sudah menular kisahnya berhubung dengan tema besar *Menongkah Lumrah* iaitu kekuasaan. Zakiyyah yang dianggap sebagai virus oleh semua lelaki yang merupakan Timbalan Presiden PBC; mereka mengintip peluang untuk ke puncak pemerintahan PBC. Dalam bab 12 ini ditemukan nama Uncle Charley atau Charles Curran Abdullah, bapa saudara T.B. yang turut terlibat dalam perebutan apabila "wanita" (Zakiyyah) mahu menyaingi lelaki. Begitulah kekalutan pertelingkahan komunikasi dalam wilayah IT yang merempuh kemanusiaan watak-watak *Menongkah Lumrah*. Jelas sekali ruang naratif novel menawarkan padang yang lebih lepas untuk Azmah Nordin; bukan sahaja isu konflik komunikasi dengan latar IT, tetapi kecondongan gender yang

banyak dibahasakan Hasmah Zainuddin Omar (1997), Rosnah Baharudin (2008) dan Norhayati Ab Rahman (2012).

Proses *intertextual* yang berlaku antara dua genre ini, antara lain memperlihatkan keseriusan pengarangnya mengangkat isu yang sama malah memperdalam pertelingkahan yang pernah diajukan lebih awal berputar dan mengancam ruang komunikasi watak-wataknya.

PERALATAN NARATIF

Plot *Menongkah Lumrah* bergerak dengan pencerobohan yang dilakukan Serigala Wang (Kamarul Arafat) di pejabat dan rumah Zakiyyah bagi mendapatkan nombor indeks komputer yang merupakan “kunci” bagi menjalankan ugutan terhadap Zakiyyah. Melalui latar pertelingkahan komunikasi ini, Azmah Nordin memperlihatkan kepekaannya terhadap apa yang sedang berlaku dalam dunia teknologi itu; ada di dalamnya kesumat, iri, perseteruan dan persaingan. Begitulah diperagakan pertelingkahan digital yang mengakibatkan kerencaman dialog paradoks kesaksamaan nilai kemanusiaan.

Menongkah Lumrah lahir semasa negara sedang rancak dengan jagat siber dan era teknologi maklumat. Projek Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor, MSC) yang mula dicanangkan mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad pada 20 Ogos 1995. MSC ini mula digagaskan sewaktu beliau merasmikan bandar Putrajaya yang terdiri daripada 4 400 hektar tanah sebagai bandar pentadbiran baru Malaysia. Ia ternyata menjadi sumber kreativiti Azmah Nordin dalam beberapa karyanya yang membawa masuk konflik komunikasi berserta latar IT termasuk novel *Menongkah Lumrah*.

Banyak istilah dalam bidang IT mendukung latar *Menongkah Lumrah* yang ditampilkan. Menurut Norhayati Ab Rahman, Azmah Nordin banyak menggunakan istilah yang berhubung dengan “komputer” yang sudah mengalami anjakan makna dengan merujuk fahaman Elaine Showalter tentang *reinvent language* (hlm. 234). Kreativiti Azmah Nordin menggandingkan sifat manusia dengan peralatan komputer yang ada di syarikat PBC misalnya tekanan perasaan Zakiyyah di permulaan novel ini digambarkan sebagai,

Menatap tampilan komputer, tidak ubah seperti melihat diri yang ingin sekali melolos keluar dari celah bintik-bintik grafik raster. Jasadnya kini terdedah antara paparan imbas dan alur elektron yang menyapui CRT. Lalu terlonta-lontalah dia dalam rangkaian yang berturut-turut itu. Hingga dia bermandi keringat, pada saat layar komputer itu memaparkan kelemahan dirinya, pada seluruh alam semesta. Dan, serta-merta pula dia tersengguik, diserbu suatu kenyataan yang mengandungi hinaan.

(*Menongkah Lumrah*, 1996: 1)

Beberapa contoh lain:

- i. Rempuhan daripada mereka yang mungkin dikenalnya itu – meluru

daripada pelbagai sudut dan lalu bagai enjin wap menggelek terus semangatnya hingga menjadi leper. Seleper cakera liut. (hlm 2)

- ii. Jasadnya yang kehangatan itu, terasa merimaskan. Kehangatan begitu sepatutnya tidak wajar apabila dikelilingi lelaki yang mendingin beku bagaikan komponen-komponen komputer itu. (hlm. 11)
- iii. Nafasnya sesak bagaikan dirayapi virus komputer yang tujuannya memang untuk mensabotaj hidupnya; virus yang menghapuskan data menghidupkan program atau memformat kembali disket mahupun hard disc yang ada di dalam memori komputer hidupnya. (hlm. 18-19)

Kreativiti Azmah Nordin mempersonifikasikan segala jargon berkaitan komputer ke dalam hidup watak-watak banyak dilakukan dalam karya sebelum ini misalnya cerpen “Permainan Kematian” dan “Anugerah” yang dimuatkan dalam *Titian Gelora*. Tindakan ini rata-rata bertujuan untuk menegaskan latar IT yang diperagakan, dihidupkan dengan watak-watak yang terlibat.

Rentetan daripada hubungan latar berkaitan pengkomputeran dengan manusia sekitarnya, Aznan Zuhid Saidin (2014: 65-66) menegaskan budaya digital boleh menjadi halangan, sekatan dan cabaran. Ancaman tersebut menjurus kepada budaya tempatan sebahagian teknologi digital itu “dilayan” seperti satu “kuasa” yang tidak dapat dikawal atau sebagai satu “arus deras” yang menghanyutkan sesiapa sahaja yang terjun ke dalamnya. *Technological determinism* ini jelas berlaku dalam hubungan sosial yang liar misalnya yang ketara antara T.B. dan Terry, sebelumnya dengan Chris. Malah dengan skala yang lebih luas, ia melibatkan pengurusan PBC serta perihal kehidupan peribadi rumahtangga Timbalan-timbalan Presiden PBC.

Sensitiviti Azmah Nordin terhadap *technological determinism* itu, jelas sekali dengan mengambil masuk isu virus dalam sektor IT sekitar dekad 90-an. Berdasarkan kajian Milind. J. Joshi and Bhaskar V. Pati (2012: 318), sejak 1981 bertambahnya jumlah virus,

There were a number of malware attacks in the 1970s and some count these among the virus attacks. The description of the malware, however, would indicate these were worms and not viruses by general definition. Just to be complete, however, the questionable entries from the 1970s are included here with that Computer Knowledge considers virus history to start in 1981. And in year 1995 to 2000 the total number of computer virus are created. And in 2001 to 2010 they are increases up to 1221 number of newly create computer virus. The new computer virus are created from year 2005 to year 2010.

Kajian mereka juga mengimbuai sejarah terburuk virus komputer yang melibatkan lima kasus iaitu *Melissa* yang dicipta David L. Smith pada 1999 yang menular menerusi lampiran dalam mel elektronik. Malah ia dapat menular ke dalam 50 akaun yang tersimpan dalam buku alamat. *My Doom* pula menyerang

denial of service (DoS) pada tahun 2004. Kemudian ia turut menasarkankan syarikat enjin pencarian dengan melemahkan sistem dan mengakibatkan kerosakan pada sistem pengendalian. Virus ILOVEYOUILOVEYOU juga tersebar menerusi lampiran dalam mel elektronik seperti Melissa, yang mencetuskan banyak huru-hara dengan membawa masuk “ulat” (atur cara yang memadamkan data daripada ingatan komputer secara perlahan-lahan). Virus *Nimda* membiak dengan sangat pantas menerusi jaringan internet. Korbannya adalah pelayan (server) internet dan matlamatnya adalah untuk memperlahankan lalu lintas. “Ulat” *Nimda* juga membawa lari banyak sumber dan digeruni dengan gempuran *distributed denials of service* (DDoS).

Kegawatan banyak sistem komputer yang diserang “ulat” virus ini bermula dekad 90-an, mungkin sahaja menumbuhkan ilham kepada Azmah Nordin dalam novel ini mahupun cerpen awalnya, “Bercak.” Malah menurut kajian Milind. J. Joshi dan Bhaskar V. Pati, pelbagai lagi virus yang menyerbu dengan ganas selepas dekad tersebut. Antaranya *The Klez, SQL Slammer/ Sapphire SQ, Sasser and Netsky, H. Leap-A/Oompa, Code Red and Code Red II* dan *Storm Worm*.

Kreativiti di tangan Azmah Nordin apabila virus komputer diasosiasikan pula kepada virus HIV yang menular dalam diri T.B., seorang biseksual. T.B. pernah mempunyai hubungan terlarang dengan bekas kekasihnya, Chris yang homoseksual sebelum dia mengahwini Lisa. Semasa di PBC, hubungan terlarang itu diteruskan T.B. bersama Terry Hillermanm.

Garcia Canclini dalam Thomson (1997: 118) pernah memperkenalkan istilah deteritorialisasi atau melepasi sempadan sebagai fenomena yang mewakili proses, kepantasan kerja dan kemudahan perhubungan yang terbuka luas dalam dunia teknologi komunikasi hari ini. Deteritorialisasi ini boleh sahaja dilihat dalam konteks interaksi sosial (dan seksual) yang berlaku dalam kalangan manusianya. Misalnya bagaimana dalam novel ini, Azmah Nordin mempertembungkan watak Terry dan T.B. yang melepasi sempadan normatif apabila mereka menjalani kehidupan homoseksual. Keberanian manusia melepasi sempadan ini sudah disebutkan dalam Islam menerusi al Qur’an surah an Naml iaitu,

54. Dan (ingatlah kisah) Luth, ketika dia Berkata kepada kaumnya: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan fahisyah itu sedang kamu memperlihatkan(nya)?”

55. ”Mengapa kamu mendatangi laki-laki untuk (memenuhi) nafsu (mu), bukan (mendatangi) wanita? Sebenarnya kamu adalah kaum yang tidak mengetahui (akibat perbuatanmu).”

56. Maka tidak lain jawapan kaumnya melainkan mengatakan: “Usirlah Luth beserta keluarganya dari negerimu; Kerana Sesungguhnya mereka itu orang-orang yang (menda’wakan dirinya) bersih.”

57. *Maka kami selamatkan dia beserta keluarganya, kecuali isterinya. Kami telah mentakdirkan dia termasuk orang-orang yang tertinggal (dibinasakan).*

58. *Dan kami turunkan hujan atas mereka (hujan batu), Maka amat buruklah hujan yang ditimpakan atas orang-orang yang diberi peringatan itu.*

KESIMPULAN

Azmah Nordin mengujarkan perhatian serta kebimbangannya terhadap pertelingkahan dalam jalur komunikasi khususnya yang berkaitan dengan teknologi komunikasi dan maklumat dalam novel *Menongkah Lumrah*. Menerusi kreativiti pengarang secara *intertextual*, pertelingkahan itu lebih bulat terpamer dalam novel berkenaan berbanding hipoteksnya “Bercak.” Kerumitan dunia digital lebih mencapah dalam *Menongkah Lumrah* yang melibatkan banyak perihal lain yang bersangkutan seperti keusahawanan, kepimpinan atau konflik gender. Azmah Nordin turut mengajukan pertelingkahan yang dipaparkan menerusi penguasaan latar, istilah, dominasi watak dengan emosi mereka yang dipadankan dengan perkakasan IT.

Tindakan pengarang itu antara lain membawakan nada kekhawatiran Azmah Nordin terhadap pertelingkahan yang berlaku dalam jalur komunikasi yang banyak berdialog tentang kesaksamaan nilai kemanusiaan. Menerusi watak Zakiyyah, perusahaan digital yang banyak melibatkan watak lelaki dalam PBC, memperdengarkan suara wanita. Ternyata Azmah Nordin masih akur dengan pegangannya dalam penulisan bahawa rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan.” Wanita menjadi penyampai resah gelisah manusia dalam ruang komunikasi dan IT dan di tangan wanita pertelingkahan yang didepani manusia itu mendapat pertimbangan yang saksama.

BIODATA PENULIS

Mawar Safei merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Kreativiti dan Sastera Melayu. Buku terbarunya ialah *Inilah Karangan Saya: Narasi Penciptaan Cerpun* (2014, Penerbit UKM) dan *Kreativiti 3 Genre: Kepengarangan 12 Penulis* (2015, ITBM). (mawar.safei@ukm.edu.my)

RUJUKAN

- A.F. Yassin. 1996. “Puteri Kulim Di Negeri Bawah Bayu” dalam *Utusan Zaman* 29 Disember: 25 dan 30.
- Ali Salman, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Mohd Safar Hasim & Latiffah Pawanteh. 2010. Sustainability of Internet Usage: A Study among Malay Youth in Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 26: 62-72.
- Asmiaty Amat. Feminism in *Geni Jora* by Abidah El Khalieqy and *Menongkah Lumrah* by Azmah Nordin: A Comparative Study. *Malay Literature*, 20(2): 11-36.
- Asmiaty Amat. 2000. Citra Wanda Azmah Nordin: Satu Kajian dari Sudut Feminis. *MANU*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, hlm. 14-28.
- Aznan Zuhid Saidin. 2014. Budaya Digital Merentasi Sempadan: Hambatan kepada Budaya Tempatan dalam Azrina Sobian *Sains dan Nilai*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Azmah Nordin. 1994. *Singkowoton*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. 1997. *Wizurai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. 2005. “Bercak” dalam *Titian Gelora*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 56-67.
- Hanafi Ibrahim. 2010. Pemeraksanaan Status Wanita dalam Novel-novel Azmah Nordin. *Dewan Sastera*, Janurai: 15-20.
- Hasmah Zainuddin Omar. 1997. Women and the New Media Technologies: Approaching the New Millenium. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 13 & 14: 51-65.
- Ismail Abdullah. 2009. *Seni, Budaya, Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari Indan. 1998. *Menongkah Lumrah* Memenangi Hadiah Sastera Sabah. *Berita Harian* 5 Oktober.
- Lim Kim Hui, Har Wai Mun. *Globalisasi, Media dan Budaya: Antara Hegemoni Barat dengan Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Swee Tin. 1995. “Azmah Nordin Matang Bersama Kesungguhan” dalam *Mingguan Watan* 14 Mei.
- Mawar Safei. 1996. Antara Disiplin dalam Cerpen Azmah Nordin. Kertas Projek Sarjana. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Safei. 2010. Kecenderungan Merentas Ilmu dalam Cepen Azmah Nordin. *Dewan Sastera*, Januari: 25-30.
- Milind. J. Joshi and Bhaskar V. Pati. 2012. Computer Virus: Their Problems & Major at-tacks in Real Life, dalam *Journal of Advanced Computer Science and Technology*, 1 (4):316-324.
- Mohamad Md Yusoff. 1985. Komunikasi Tanpa Lisan-Satu Tinjauan Ringkas.

Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication. 1: 64-72.

- Norhayati Ab Rahman. 2006. *Pemeriksaan Wanita dalam Nove-novel Malaysia dan Indonesia: Pertembungan Antara Tradisi dengan Modeniti. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu.*
- Norhayati Ab Rahman. 2012. *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Othman Puteh. 1993a. "Ilmu Bantu dalam Pengkaryaan: Keperluan untuk Pembaharuan Sastera Melayu Moden" dalam *Dewan Sastera* Oktober, hlm. 12-16.
- Othman Puteh. 1993b. "Pentingnya Disiplin Bantu" dalam *Utusan Malaysia.* Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M), hlm. 25.
- Othman Puteh. 1996. "Muatan Baru, Gaya Baru dalam Cerpen Pengarang Generasi Baru" dalam *Dewan Sastera* Oktober, hlm. 81-87.
- Rosnah Baharudin. 2008. *Kreativiti Minda Melayu-Jawa.* Bangi: ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salbiah Ani. 1993. "Disiplin Ilmu Bantu Angkat Martabat Sastera Melayu" dalam *Berita Harian.* Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (M), 5 September, hlm. 22.
- Sahlan Mohd Saman. 1993. "Novel Melayu Mutakhir pada Perspektif Antara Disiplin" dalam *Dewan Sastera* Januari, hlm. 62-66.
- Schoub, Barry D. 1994. *AIDS & HIV in Perspective: A Guide to Understanding the Virus and Its Consequences.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1997. "Menongkah Lumrah: Antara Dunia Korporat, Liberalisasi Wanita dan Komputer" dalam kertas kerja Bicara Karya Sastera anjuran Kelab Sastera USM, pada 21 Februari 1997.
- Thompson, Kenneth (ed.). 1997. *Media and cultural regulation.* London: Sage Publications & the Open University.
- Wan Fairuz Wan Mustaffa. 1985. *Tinjauan Peranan Komunikasi dalam Pembangunan.*
Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication. 1: 11-20.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2014. *Gender*